

Generasi rosak akibat abai tanggungjawab

SUMBANG mahram atau inses ialah perbuatan zina dilakukan oleh seseorang yang mempunyai pertalian darah atau keturunan dengan mangsa.

Ia juga boleh didefinisikan sebagai hubungan seksual antara mereka yang mempunyai hubungan persaudaraan dan dilarang oleh adat resam serta agama.

Sebagai contoh hubungan seksual antara remaja dengan ibu bapa mereka, adik-beradik, ibu bapa saudara dan datuk.

Statistik yang dikeluarkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 2017 menunjukkan, secara puratanya lima kanak-kanak wanita dirogol termasuk menjadi mangsa perlakuan sumbang mahram pada tahun 2010 hingga pertengahan tahun 2017.

Walaupun kes sumbang mahram berjumlah 1,766 kes pada tempoh tersebut dan ia merupakan lapan peratus daripada keseluruhan 13,272 kes rogol yang dilaporkan, ia tetap mengusarkan kerana melibatkan pelaku yang berada di dalam rumah.

Statistik yang dikeluarkan Kementerian Dalam Negeri pada tahun 2017 pula menunjukkan terdapat kebimbangan serius terhadap jumlah mangsa seksual termasuk rogol, sumbang mah-



KOSMO 24/12/2018 M/S 11
Di Sebalik Isu Panas

Bersama
MUHAMAD TARMIZIE MOHD. NOR

naik inilah yang bakal menjadi pelapis pemimpin generasi akan datang.

Sekiranya pada peringkat awal lagi mereka telah melakukan perkara sumbang ini atau dirosakkan oleh ahli keluarga sendiri, apa lagi yang kita boleh harapkan daripada mereka untuk memimpin dan mentadbir negara?

Kes sumbang mahram melibatkan seorang k a n a k - k a n a k berusia 13 tahun dengan kakaknya yang berusia dua tahun lebih tua itu sehingga mengandung dan melahirkan anak di Kampar, Perak dua minggu lalu sangat memilukan kita.

Perbuatan tersebut difahamkan tidak diketahui ibu bapa mereka sendiri sehinggalah ia terbongkar apabila remaja wanita tersebut melahirkan seorang anak perempuan di dalam tandas rumah mereka.

Berdasarkan kes tersebut, remaja ketika ini bukan sahaja menjadi mangsa, malah mereka sendiri seawal belasan tahun sudah berani menjadi pemangsa.

Peguam Syarie, Muhammad

Firdaus Alhadi Abdullah berkata antara punca-punca remaja belasan tahun tersebut berani menjadi pemangsa kepada ahli keluarga sendiri adalah disebabkan terpengaruh dengan media sosial tanpa sempadan yang boleh diakses dengan mudah.

“Cukuplah dengan hanya sebuah telefon pintar yang mempunyai akses internet. Remaja belasan tahun boleh menggunakan pelbagai aplikasi media sosial dan laman web yang menjuruskan mereka ke arah perkara yang boleh membangkitkan naluri seksual.

“Cerita-cerita daripada rakan sebaya yang telah mencuba aktiviti tidak bermoral ini juga menjadi faktor luaran yang kuat sebagai pendorong.

“Selepas terdedah dengan perkara-perkara tersebut, ditambah perasaan ingin mencuba yang membuak-buak di dalam diri menyebabkan mereka berani untuk melakukan perbuatan keji tersebut terhadap ahli keluarga mereka sendiri,” katanya.

Tambah Muhammad Firdaus Alhadi, lebih memburukkan keadaan lagi apabila faktor daripada ibu bapa mereka sendiri seperti kepincangan dalam rumah tangga dan kesibukan mencari pendapatan bagi menampung perbelanjaan hidup.

“Dua faktor ini juga menjadi penyebab kurangnya kasih sayang terhadap anak-anak sehingga tanggungjawab mendidik akhlak, moral dan agama terhadap anak-anak diabaikan,” katanya.

Katanya, ibu bapa yang paling dekat dengan remaja tersebut sepatutnya mengutamakan kasih sayang dan pendidikan akhlak dan agama terhadap mereka.

am dan seks luar tabii terhadap mangsa di bawah umur 18 tahun.

Direkodkan pada tahun tersebut, jumlah mangsa sumbang mahram di bawah usia 18 tahun adalah sebanyak 253 orang daripada keseluruhan 296 kes.

Jumlah 85 peratus daripada keseluruhan 296 kes tersebut sememangnya patut menjadi kerisauan yang perlu diberi perhatian utama oleh pelbagai pihak termasuk kerajaan dan masyarakat dalam memulihkan kembali institusi keluarga agar kanak-kanak berusia di bawah 18 tahun terus dijaga dan dipelihara dengan baik.

Ditambah lagi, kes berkaitan sumbang mahram melibatkan remaja bawah umur dilaporkan semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Perkara itu sepatutnya menjadi kebimbangan semua pihak kerana remaja yang sedang meningkat